

## HUBUNGAN EKONOMI MALAYSIA-INDONESIA (1981-2003)

*Malaysia – Indonesia Economic Relations (1981-2003)*

MOHAMAD RODZI ABD RAZAK & WAN NORSHAMIMI WAN AZHAR

---

### ABSTRAK

Regionalisme dan rekonsiliasi adalah mekanisme penting dalam proses pengukuhan hubungan antara negara. Keperluan dasar luar yang tergolong dalam konteks kepentingan faktor ekonomi, menjamin kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan sosial di peringkat serantau. Kajian ini bertujuan meneliti hubungan Malaysia – Indonesia dari tahun 1981 sehingga tahun 2003. Tumpuan kajian diberikan kepada kerjasama yang melibatkan Malaysia dan Indonesia dalam bidang ekonomi khususnya sewaktu Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia. Meskipun hubungan Malaysia – Indonesia dianggap dingin ketika era pentadbiran Mahathir Mohamad, namun keakraban dan kesalingbergantungan antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang yang terjalin sejak berabad lama sememangnya tidak dapat dilenturkan. Melalui rekonsiliasi dan persefahaman yang terjalin serta kesedaran terhadap kepentingan hubungan bilateral yang akrab, Malaysia dan Indonesia melestarikan kerjasama ekonomi khususnya dalam sektor perikanan, pertanian, perdagangan serta pelaburan demi kemakmuran ekonomi masing-masing. Kajian ini bersifat kualitatif berdasarkan kaedah kajian sejarah melalui analisis kandungan terhadap dokumen rasmi kerajaan, artikel, buku, akhbar serta laman sesawang berwibawa. Makalah ini merumuskan bahawa dalam tempoh era pentadbiran Mahathir Mohamad terdapat kerjasama penting yang terjalin antara Malaysia dan Indonesia yang telah mengeratkan lagi hubungan keduanya di samping turut memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi di kedua-dua negara.

**Kata kunci:** hubungan ekonomi; Malaysia-Indonesia; Mahathir Mohamad; regionalisme; rekonsiliasi

## ***ABSTRACT***

*Regionalism and reconciliation are essential mechanisms for strengthening relations between countries. Foreign policy is necessary to forge closer ties to ensure political, economic and social stability in neighbouring countries. This research examines the relationship between Malaysia and Indonesia from 1981 to 2003. The study focuses on the economic bilateral cooperation, especially during Mahathir Mohamad's term as Prime Minister of Malaysia. Although the relationship between Malaysia and Indonesia was considered cold during this period, their closeness and interdependence in various fields, forged for centuries, is undeniable. Through reconciliation and understanding, Malaysia and Indonesia have maintained economic cooperation, especially in fisheries, agriculture, trade and investment. This study uses qualitative methods based on historical research through content analysis of official government documents, articles, books, newspapers and authoritative websites. This article concludes that during Mahathir Mohamad's era, a bilateral cooperation was essential and strengthened the relationship between the two countries in addition to positively impacting the economic growth in both countries.*

**Keywords:** *economic relations; Malaysia-Indonesia; Mahathir Mohamad; regionalism; reconciliation*

## **PENGENALAN**

Membina hubungan akrab dan intim secara berterusan terutamanya dengan negara berjiran adalah cabaran besar yang dihadapi oleh kebanyakan negara-negara di dunia. Keakraban hubungan dan keintiman antara negara tidak boleh dipupuk semata mata menerusi siri-siri perjanjian dan persefahaman yang dipersejutui secara bersama namun keintiman akan hanya terbina menerusi proses rekonsiliasi yang mendalam dan berterusan. Indikasi keakraban dan keintiman tersebut bukan sahaja dilihat dari sudut hubungan antara kerajaan dengan kerajaan, tetapi mencakupi hubungan menyeluruh. Hubungan Malaysia-Indonesia seringkali dilabelkan dengan pelbagai gelaran yang memperlihatkan elemen keakraban seperti negara bersaudara, negara tetangga dan serumpun. Menurut Rohani Hj Abdul Ghani (2012: 1) hubungan Malaysia dan Indonesia merupakan satu hubungan tradisi yang diasaskan kepada nilai sepunya lantaran kedua-dua buah negara yang berkongsi latar belakang sejarah dan masyarakat yang hampir sama. Kewujudan persamaan seperti keturunan, sejarah, bahasa, budaya dan agama menyebabkan hubungan kedua-dua negara dianggap istimewa dalam pelbagai aspek. Dalam konteks sistem antarabangsa moden, hubungan Malaysia-Indonesia terjalin secara rasmi apabila kedua buah entiti politik berdaulat ini mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua. Indonesia yang muncul sebagai

negara merdeka dan berdaulat pada tahun 1945 diikuti oleh Malaysia pada tahun 1957. Kedua dua negara memegang kedaulatan sesuai dengan komponen kenegaraan masing-masing yang membawa kepada berlakunya fragmentasi dari segi wilayah, kerakyatan dan identiti.

Namun demikian, hubungan Malaysia dan Indonesia juga tidak sunyi diulit pelbagai konflik yang menggugat sensitiviti rakyat kedua-dua buah negara. Pada tahap awal kemerdekaan--khususnya dalam era pemerintahan Presiden Sukarno di Indonesia dan Tunku Abdul Rahman di Malaysia--hubungan kedua-dua buah negara tidak mesra malah menunggu masa mengalami konflik. Kesan terbesar ialah tercetusnya konfrontasi pada tahun 1963 hingga 1966 ekoran isu penubuhan Malaysia (Nik Anuar 2009). Zaman keemasan dalam hubungan Malaysia-Indonesia bermula setelah pemerintahan Indonesia berada di bawah Presiden Suharto. Dalam masa singkat, hubungan kedua buah negara bertambah baik malah menjadi akrab apabila Tun Abdul Razak mengambil alih pemerintahan Malaysia pada tahun 1969. Hubungan akrab kedua-dua negara berterusan meskipun berlaku pertukaran teraju pemerintahan apabila Tun Razak meninggal dunia pada tahun 1976. Tun Hussein Onn yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri meneruskan hubungan baik yang telah diasaskan sejak tamatnya konfrontasi (Liow 2008). Namun demikian, menurut Abd Ghapa (2010), zaman keemasan dalam hubungan dua hala negara serumpun ini berakhir sekitar tahun 1980 an khususnya setelah tamat Perang Dingin pada hujung dekad tersebut.

Kekeruhan hubungan Malaysia dan Indonesia ketara apabila Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1981. Dasar *self induce subordination* yang menjadi landasan kepada pemupukan hubungan akrab kedua buah negara tidak lagi dititikberatkan. Kepesatan pertumbuhan ekonomi antara tahun 1980 an dan 1990 an memberikan keyakinan kepada Malaysia untuk berperanan lebih aktif di peringkat serantau dan antarabangsa (Savarananamuthu 2010). Pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat serta konsisten juga meletakkan Malaysia pada kedudukan yang kukuh pada pentas politik antarabangsa. Meskipun dari segi saiz, keluasan Malaysia hanya 1/3 daripada Indonesia, tetapi Malaysia mempunyai perkapa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak tujuh kali ganda berbanding Indonesia. Kejayaan dari segi ekonomi mencetuskan keyakinan tinggi bagi Malaysia bagi menguasai pertarungan merebut pengaruh dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan di pentas politik dunia. Pertarungan tersebut membawa kesan besar kepada hubungan dua hala Malaysia-Indonesia. Pertarungan yang berlaku di antara Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Suharto menyebabkan kedua-dua pemimpin jarang berganding bahu dalam menangani isu-isu kepentingan bersama di peringkat antarabangsa. Kedua-dua pemimpin semakin sukar mencapai konsensus kerana persefahaman dan kepentingan bersama kedua-buah negara dalam isu-isu

serantau dan antarabangsa semakin tipis. Justeru, kajian ini meneliti bagaimana faktor kekeruhan hubungan politik dan persaingan kepimpinan mempengaruhi perkembangan hubungan ekonomi antara Malaysia dan Indonesia khususnya dalam tempoh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke empat, 1981-2003.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk memperolehi data terutamanya sumber primer dan bahan sekunder. Sehubungan itu, bahan-bahan bercetak dan digital dijadikan sumber melalui rujukan di perpustakaan serta di atas talian yang berwibawa. Dari aspek olahan, artikel ini menggunakan kaedah sejarah sebagai pendekatan penulisan. Justeru, kajian kepustakaan dipilih sebagai instrumen utama untuk mengumpul data mutakhir serta maklumat penulisan-penulisan lepas. Dapatan kajian disandarkan kepada penggunaan data primer melalui analisis kandungan terhadap beberapa dokumen rasmi kerajaan yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia. Analisis kandungan yang diaplikasi melalui penganalisaan terhadap data primer tersebut membolehkan kajian ini menghasilkan fakta dan maklumat yang lebih terperinci serta meliputi skop kajian.

Selain itu kajian ini juga menggunakan bahan sekunder yang membantu memantapkan hasil kajian. Buku dan artikel akademik merupakan dua bahan yang diberi perhatian bagi menilai pandangan dan maklumat penting yang membantu kajian ini khususnya memperolehi informasi tentang skop perbincangan serta maklumat-maklumat berhubung latarbelakang hubungan ekonomi antara Malaysia dan Indonesia sebelum tahun 1981. Dalam usaha memperolehi data yang lebih lengkap, tinjauan juga diberikan terhadap akhbar dan laman sesawang yang memuatkan berita dan pendapat dari pelbagai pihak berkepentingan dan terlibat dalam urusan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

## **SEJARAH HUBUNGAN EKONOMI MALAYSIA-INDONESIA**

Dalam segi sejarah hubungan awal antara Malaysia dengan Indonesia, sudah wujud kerjasama ekonomi yang dilakukan oleh kedua-dua negara. Hal ini terjadi pada masa empayar-empayar Melayu yang berkembang maju dimana terdapat aktiviti perdagangan yang terjalin antara Negeri-negeri Melayu dengan Kepulauan Indonesia. Dalam era moden, Malaysia dan Indonesia sememangnya menjalinkan hubungan bilateral yang melibatkan semua aspek termasuk ekonomi di samping terlibat dalam hubungan multilateral seperti dalam organisasi ASEAN, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Pertubuhan Negara-negara pengekspor Petroleum (OPEC), Bank Dunia dan lain-lain. Dalam jalinan hubungan dengan negara luar, sama ada hubungan

bilateral ataupun multilateral, hubungan ekonomi merupakan sesuatu yang sangat penting kerana melibatkan banyak perkara. Contohnya, Malaysia menjalinkan kerjasama ekonomi dengan Indonesia, Bangladesh dan Myanmar kerana Malaysia sangat memerlukan tenaga buruh daripada negara berkenaan (Kamarulnizam 2012: 135). Selain itu, kerjasama ekonomi juga bertujuan untuk meningkatkan kadar import dan juga eksport negara. Keperluan ini dapat dilihat apabila kerjasama ekonomi dalam ASEAN menyebabkan berlakunya peningkatan kadar eksport Malaysia. Pada tahun 2010 umpamanya eksport Malaysia berjumlah US\$1,070,941 dan meningkat kepada US\$1,254,003.6 pada tahun 2012. (<http://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/2045>) (5 Mac 2016)

Keakraban hubungan dalam pelbagai aspek menyumbang kepada wujudnya hubungan ekonomi antara Malaysia-Indonesia. Pada tahap awal dalam hubungan antara kedua-dua negara, perdagangan antara Tanah Melayu dengan Indonesia lebih memberikan keuntungan kepada Indonesia kerana negara berkenaan lebih banyak mengeksport barang yang dikeluarkan oleh negaranya ke Tanah Melayu berbanding mengimport barang dari Tanah Melayu. Jika dikaji secara menyeluruh, perdagangan antara Tanah Melayu dengan Indonesia mempunyai lebihan perdagangan kepada Indonesia yang melebih \$200 juta setiap tahun sepanjang tempoh lima tahun yang bermula pada tahun 1958 sehingga tahun 1962. Indonesia merupakan negara kedua terbesar yang mengeksport barang-barang keluaran negaranya ke Tanah Melayu selepas United Kingdom (Kunaseelan 1996: 95). Antara barang-barang yang di eksport ke Tanah Melayu pada ketika itu ialah barang mentah seperti kelapa sawit, lada hitam, kopi, tembakau dan juga bijih timah. Menurut laporan *Antara Daily News Bulletin* (Mac 1959) pada tahun 1958, Indonesia merupakan pengeksport kopi (35,188 tan) terbesar ke Tanah Melayu.

Di samping itu, Tanah Melayu dan Indonesia turut bekerjasama dalam komoditi getah. Tanah Melayu dan Indonesia merupakan antara dua buah negara pengeluar getah terbesar dunia yang bersetuju untuk bekerjasama menghadapi persaingan dengan getah tiruan. Satu persetujuan kerjasama dalam bidang pengeluaran getah telah dicapai antara Tanah Melayu dan Indonesia sewaktu Perdana Menteri Indonesia Dr. Djuanda melawat Tanah Melayu pada tahun 1959. Kedua-dua negara telah bersetuju mengadakan pertukaran hasil penyelidikan dan maklumat lain yang berkaitan dengan pengeluaran serta pemasaran getah. Persetujuan ini dipercepatkan kerana terdapat persaingan daripada getah tiruan dalam pasaran dunia (*Antara Daily News Bulletin*, April 1959). Usaha ini menunjukkan sememangnya Tanah Melayu dan Indonesia saling bekerjasama dalam bidang ekonomi sejak awal lagi. Tanah Melayu dan Indonesia turut bekerjasama dalam bidang pengeluaran bijih timah. Indonesia telah menghantar sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah bijih timahnya ke Pulau Pinang dan bijih timah tersebut telah dileburkan oleh Syarikat

Straits Trading (Kunaseelan 1996: 97). Tanah Melayu dan Indonesia juga turut bekerjasama dalam bidang perikanan. Tanah Melayu mempunyai lebihan ikan kering pada tahun 1959 ekoran daripada hasil penangkapan ikan yang banyak oleh para nelayan dari Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu. Indonesia dalam menjaga hubungan baik dengan Tanah Melayu telah bertindak mengimport lebihan ikan kering dari Tanah Melayu itu untuk dipasarkan di negara berkenaan.

Seperti yang telah dinyatakan, hubungan Tanah Melayu dengan Indonesia khususnya sejak akhir dekad 1950 an sentiasa berada dalam keadaan tidak mesra dan berkonflik. Walaupun terdapat kerjasama antara kedua-dua negara, terdapat konflik yang timbul iaitu berkaitan dengan isu penyeludupan antara Sumatera, Tanah Melayu dengan Singapura. Hal ini kerana pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang merupakan pelabuhan yang penting bagi aktiviti penyeludupan barang-barang dari Sumatera. Keadaan ini menyebabkan kerajaan pusat Indonesia mengalami kerugian yang besar dari segi pertukaran asing dan juga cukai kastam (Hindley 1964: 907). Aktiviti penyeludupan ini sukar dikawal kerana berlakunya perdagangan barter antara Sumatera, Tanah Melayu dan Singapura. Disebabkan hal ini, pihak berkuasa Indonesia mengalami masalah untuk mengenal pasti antara bot perdagangan barter dengan bot penyeludupan barang. Susulan daripada itu, dengan tujuan untuk menghapuskan aktiviti penyeludupan barang ini, kerajaan Indonesia telah mengambil tindakan dengan mengharamkan semua jenis perdagangan barter bermula pada 16 September 1958. Kedua-dua negara bukan sahaja mengalami konflik dalam aktiviti perdagangan, malah turut meliputi konflik dalam aspek mata wang. Konflik ini berpunca daripada berita yang dikeluarkan oleh pihak Indonesia bahawa Tanah Melayu akan menilai semula mata wang ringgitnya berikutan daripada Indonesia telah melakukan penilaian semula terhadap matawang rupiahnya. Oleh hal yang demikian, Menteri Kewangan Tanah Melayu pada masa tersebut, iaitu Tan Siew Sin, telah menghantar bantahan secara rasmi kepada Duta Indonesia di Kuala Lumpur berikutan hal berkenaan (Kunaseelan 1996 :99).

Era konfrontasi, bermula 1963, merupakan satu jangkamasa yang penting dalam sejarah hubungan Malaysia dengan Indonesia kerana kedua-dua negara ini telah memutuskan hubungan diplomatik selama tiga tahun. Kesan daripada konfrontasi dan pemutusan hubungan diplomatik secara rasmi antara Malaysia dengan Indonesia turut menjelaskan hubungan dalam sektor ekonomi. Pada 16 September 1963, di Indonesia telah berlakunya mogok anti-Malaysia yang dilakukan oleh pekerja-pekerja Bank Chartered, Bank Hong Kong milik British dan juga Bank Overseas Chinese milik Singapura. Selain itu, pada tarikh yang sama, Kesatuan Sekerja Lapangan Terbang juga enggan memberi perkhidmatan kepada pesawat-pesawat yang dimiliki oleh Malaysia Airways, British Overseas Airways (BOAC) dan juga Canadian Pacific, yang mendarat di Jakarta dengan alasan mahu membantah

penubuhan Malaysia. Susulan daripada tindakan yang dilakukan oleh pihak Indonesia tersebut, Presiden Kesatuan Sekerja Keretapi Malaysia iaitu Donald Uren, telah meminta agar semua pekerja pengangkutan Malaysia supaya memulaukan semua kenderaan milik Indonesia. Perkara ini dilakukan kerana di Indonesia, semua pekerja-pekerja di lapangan terbang Indonesia telah memulaukan pesawat-pesawat Malaysia Airways. Pada peringkat ini hubungan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Indonesia bertambah rumit akibat tindakan Presiden Indonesia memutuskan hubungan ekonomi antara Malaysia dengan Indonesia selepas mesyuarat Komando Tertinggi Ekonomi atau KOTOE yang telah diadakan pada 21 September 1963 (Mezerik 1965: 37). Indonesia telah melakukan sekatan ekonomi terhadap Malaysia kerana pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang sangat bergantung kepada bahan-bahan mentah dari Indonesia untuk di eksport semula ke negara lain dan rentetan daripada itu menjelang akhir tahun 1963, Singapura telah kehilangan pendapatan kira-kira hampir \$100 juta dan Pulau Pinang dianggarkan telah kehilangan antara lima ke enam peratus daripada pendapatannya disamping pengangguran seramai 1000 orang (*ibid.*).

Selepas tamatnya konfrontasi pada 11 Ogos 1966, perwakilan dari Malaysia dan Indonesia, telah melakukan pertemuan bertujuan untuk meneruskan semula hubungan perdagangan antara kedua-dua negara pada akhir November 1966. Seterusnya, pada 30 November 1966, Tun Abdul Razak telah mengumumkan bahawa kerajaan Malaysia bersetuju untuk memansuhkan larangan perdagangan barter dengan Indonesia (*Straits Times*, 2 Disember 1966). Di samping itu, Malaysia turut memansuhkan larangan penghantaran peralatan senjata ke Indonesia melalui pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Pada 11 Mei 1967 Malaysia dengan Indonesia telah menandatangani Perjanjian Asas tentang Hubungan Perdagangan dan Ekonomi yang meliputi aktiviti perdagangan, pameran perdagangan, kerjasama ekonomi dan teknikal dalam pelbagai bidang termasuk perkapalan, perikanan dan lain-lain. Perjanjian ini menandakan pemuliharaan hubungan ekonomi telah dilakukan secara rasmi. Kedua-dua negara juga telah bersetuju membentuk sebuah suruhanjaya bersama untuk melaksanakan perjanjian tersebut serta untuk mempertingkatkan jalinan kerjasama. Oleh itu, pada 29 Mei 1968 suruhanjaya bersama telah dibentuk semasa Menteri Perdagangan Indonesia, Mejaz Jeneral Mohd. Yusof melawat Malaysia (*Bernama*, 28 & 29 Mei 1968). Seterusnya, Malaysia dan Indonesia turut bekerjasama dalam dalam soal penghantaran pekerja Indonesia ke Malaysia. Satu perjanjian buruh ditandatangani semasa Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Indonesia pada bulan Mac 1968. Oleh itu, Malaysia telah mengimpor buruh-buruh dari Indonesia kira-kira seramai 25,000 orang untuk berkidmat dalam pelbagai sektor. Isu perikanan juga merupakan suatu masalah yang membekalkan hubungan Malaysia dengan Indonesia. Oleh itu, kedua-dua negara telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama dalam bidang perikanan semasa rundingan pertama Suruhanjaya Bersama dilakukan dan pada bulan Ogos 1969.

## HUBUNGAN EKONOMI MALAYSIA-INDONESIA PASCA 1980

Sewaktu era pentadbiran Mahathir Mohamad, perdana menteri Malaysia ke empat, hubungan antara Malaysia dengan Indonesia adalah agak dingin. Pelbagai konflik dan juga isu yang timbul dan dibangkitkan oleh Indonesia kerana mungkin sifat ‘cemburu’ terhadap kemajuan yang dicapai oleh Malaysia. Namun, disamping konflik dan isu yang timbul itu, hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dengan Indonesia tetap diteruskan. Banyak kajian yang dilakukan dan bersetuju bahawa hubungan bilateral antara Malaysia dan Indonesia berada dalam keadaan tidak stabil sejak awal 1980-an. Namun, satu perkembangan menarik dalam konteks hubungan bilateral Malaysia dengan Indonesia dapat diteliti dalam sektor kerjasama ekonominya. Walaupun hubungan politik antara kedua-dua negara keruh, tetapi berlaku peningkatan yang memberangsangkan dalam bidang ekonomi. Hal ini kerana banyak pelaburan yang dilakukan oleh Malaysia di Indonesia. Selain daripada itu juga, pelbagai kerjasama ekonomi lain turut dirangka dan dilaksanakan.

## HUBUNGAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN

Hubungan perdagangan antara negara sama ada di peringkat serantau ataupun antarabangsa adalah penting kerana melalui hubungan perdagangan, pertumbuhan ekonomi dapat berlaku dengan pesat. Hubungan perdagangan antara Malaysia dan Indonesia telah lama berlangsung tetapi terhenti seketika semasa konfrontasi. Selepas peristiwa pahit tersebut hubungan ini telah dipulihkan dan banyak usaha-usaha dijalankan demi memupuk hubungan perdagangan antara kedua-dua negara (Y.0.12/1/63, 26 Ogos 1983). Terdapat beberapa perjanjian dimeterai sebagai landasan penting dalam hubungan perdagangan antara kedua-dua negara. Pada 11 Mei 1967 *Basic Arrangement on Trade and Economic Relation* telah ditandatangani di Kuala Lumpur sebagai satu usaha awal yang dijalankan untuk memulihkan hubungan perdagangan. Berikutnya, *Agreement on Border Trade* pula ditandatangani pada 24 Ogos 1970 bertujuan untuk mengawal aktiviti perdagangan di kawasan sempadan kedua negara. Pada 16 Oktober 1973 pula ‘*Basic Agreement on Economic and Technical Cooperation*’ telah ditandatangani antara Malaysia dengan Indonesia. Dalam pada masa yang sama, satu perjanjian perdagangan *Trade Agreement 1973* juga telah ditandatangani antara kedua-dua negara disamping beberapa perjanjian lain mengenai perhutanan, perkапalan dan kerjasama teknik dan saintifik. Kerjasama dan perjanjian tersebut telah menyebabkan hubungan kedua-dua negara bertambah erat serta mampu meningkatkan ekonomi di kedua-dua buah negara.

Malaysia dan Indonesia telah terlibat dalam beberapa projek pembangunan ekonomi bersama seperti Pertumbuhan Segitiga Indonesia – Malaysia – Thailand

(IMT-GT) yang melibatkan beberapa kawasan di ketiga-tiga negara. Projek IMT-GT telah memfokuskan terhadap promosi ke atas lapan perkara mengenai kerjasama ekonomi iaitu pertanian, perikanan, penternakan, pelancongan, perdagangan serta kewangan, perindustrian, infrastruktur dan sumber manusia. Kawasan tanah yang luas, sektor swasta yang dinamik, banyak bekalan buruh pada harga yang kompetitif dan pasaran dalam yang besar lebih daripada 70 juta orang ditambah pula dengan pasaran yang berpotensi di sub-wilayah telah menawarkan potensi yang besar untuk pembangunan ekonomi yang akan dipertingkatkan di kawasan ini (<http://www.kemlu.go.id/id/kebijakan-regional/Pages/IMT-GT.aspx> 20 Disember 2015).

IMT-GT ini telah digerakkan pada tahun 1993 hasil idea Mahathir Mohamad (<http://www.adb.org/id/indonesia/regional-cooperation> 5 Mac 2016). Tujuan secara keseluruhan penubuhan IMT-GT ini ialah untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi yang dipacukan oleh sektor swasta melalui beberapa inisiatif seperti mempromosikan pelaburan asing serta menggalakkan pembangunan ekonomi dengan mengeksplorasi sepenuhnya keperluan ekonomi dan peluang pelaburan, meningkatkan daya saing antarabangsa bagi sub-wilayah yang berkaitan dengan menarik pelabur asing dan pengeluaran eksport dan inisiatif terakhir ialah mengurangkan kos pengeluaran dan agihan melalui ekonomi bidangan.

Di samping IMT-GT kerjasama ekonomi serantau yang melibatkan Malaysia dan Indonesia ialah BIMP – EAGA (Brunei Darussalam – Indonesia – Malaysia – Philippines *East ASEAN Growth Area*). BIMP – EAGA dilancarkan pada tahun 1994 sebagai satu inisiatif kerjasama empat negara yang bertujuan untuk menutup jurang pembangunan antara negara anggota ASEAN-Timur dan negara anggota ASEAN (<http://www.adb.org/id/indonesia/regional-cooperation>). BIMP-EAGA merupakan kerjasama serantau terbesar Asia dengan anggaran lebih 57 juta penduduk yang menghuni kawasan seluas 1.5 juta kilometer persegi di empat negara anggota. Pada peringkat permulaan, pembinaan kemudahan infrastruktur dan peningkatan taraf infrastruktur yang sedia ada merupakan strategi utama yang dilakukan dalam membangunkan wilayah ini serta dapat menarik pelabur dari luar BIMP-EAGA. Sektor swasta merupakan penggerak utama yang menentukan kejayaan gagasan kerjasama BIMP-EAGA. Sebanyak 14 Memorandum Persefahaman (MOU) yang merangkumi projek usahasama telah ditandatangani oleh kesemua anggota BIMP-EAGA. Projek yang terbesar ialah melibatkan usahasama sektor swasta Malaysia dan Indonesia ialah dalam projek penanaman kelapa sawit dengan melibatkan kawasan seluas 30,000 hektar di Kalimantan Indonesia dengan nilai pelaburan sebanyak RM200 juta (ANM 2006/0008539: 1995). Dengan adanya kerjasama pelaburan ini menyebabkan berlaku pertumbuhan ekonomi di Indonesia di samping mampu menyediakan peluang pekerjaan di Malaysia dan Indonesia.

Dalam konteks kerjasama Malaysia dengan Indonesia, BIMP – EAGA merupakan satu kerjasama yang sangat penting terutamanya dalam aspek hubungan perdagangan tukar barang. Salah satu daripada hubungan perdagangan tukar barang ini melibatkan daerah Tawau yang terletak di Pantai Timur Sabah. Kedudukannya yang berhampiran dengan Indonesia membolehkan penduduk daerah ini yang terdiri dari suku kaum Bugis, Banjar, Jawa, Bajau, Suluk, Cina dan lain-lain menjalinkan hubungan perdagangan tersebut. Daerah ini juga menjadi kawasan utama kemasukan warga Indonesia ke Sabah terutamanya warga Indonesia yang berasal dari Kalimantan dan Sulawesi serta kawasan-kawasan lain seperti kepulauan Flores dan sebagainya. Kabupaten Nunukan dan Tarakan merupakan kawasan transit utama bagi warga Indonesia yang berulang alik ke Malaysia dan Indonesia (Ramli & Ahmad Mosfi: 2007).

Aktiviti perdagangan tukar barang yang dijalankan di Sabah dengan Indonesia ini dikawal ketat oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Kastam, Lembaga Pelabuhan dan Jabatan Laut. Dengan adanya kerjasama seperti ini, implikasinya dapat dilihat apabila kawasan mundur di Tawau telah dapat dibangunkan selaras dengan tujuan penubuhan BIMP – EAGA iaitu untuk membangunkan kawasan yang mundur dari segi ekonominya. Selain itu, hubungan perdagangan tukar barang ini juga membantu sebagai penyumbang pendapatan semasa krisis ekonomi yang telah memberi kesan yang besar kepada ekonomi negeri Sabah dan Malaysia. Perkembangan ini menimbulkan kesedaran bagi kedua-dua negara terhadap kepentingan aktiviti perdagangan tersebut di samping mampu mengurangkan pengaliran keluar matawang negara (*Daily Express*, 27 Ogos 1998).

Malaysia dan Indonesia turut bekerjasama dalam bidang pelaburan kerana bidang ini mampu meningkatkan kemajuan ekonomi kedua-dua negara. Pembangunan segi tiga ASEAN merupakan salah satu bentuk kerjasama yang melibatkan sektor pelaburan antara Malaysia dengan Indonesia. Pembangunan Segitiga Singapura, Johor (Malaysia) dan Riau (Indonesia) atau singkatannya SIJORI, merupakan salah satu daripada pembangunan segi tiga yang melibatkan kerjasama antara tiga negara iaitu Singapura - Johor - Indonesia. Dalam projek pembangunan ini, Malaysia melibatkan negeri Johor manakala di Indonesia pula melibatkan Pulau Batam. Kerjasama SIJORI ini bertujuan untuk membangunkan kawasan perkilangan. Pada akhir 1980-an sektor industri di Johor berkembang pada purata 12 peratus setahun untuk meningkatkan bahagiannya dalam KDNK kepada 28 peratus pada tahun 1990 (Grunsvan 1995: 52). Sebahagian besar pertumbuhan perkilangan ini dikaitkan dengan ledakan pelaburan asing sejak tahun 1985. Peranan modal antarabangsa juga digambarkan oleh fakta bahawa ekuiti asing terlibat dalam 87% daripada projek-projek pelaburan yang diluluskan dalam tempoh 1985 sehingga 1990.

Menurut *Batam Industrial Development Authority* (BIDA) terdapat lapan kawasan perindustrian telah dibangunkan dan kawasan terbesar adalah *Batam Industrial Park* yang berkeluasan 500 hektar. Pada tahun 1995, 4000 hektar kawasan tanah perindustrian berjaya dibangunkan ([http://www.batam-center.web.id/exeagency\\_bida.html](http://www.batam-center.web.id/exeagency_bida.html) [ 28 Oktober 2020]. BIDA yang ditubuhkan pada tahun 1971 oleh kerajaan Indonesia berfungsi merancang, melaksana dan menguruskan pembangunan kawasan Balerang serta turut bertanggungjawab untuk menguruskan infrastruktur pulau-pulau termasuk jalan raya, elektrik, air dan lain-lain. Angka yang dikeluarkan oleh BIDA menunjukkan jumlah pelaburan modal berjumlah USD \$ 3,803 juta, yang mana 82% dari pelaburan swasta dan 35% daripada yang terakhir adalah pelaburan asing. Separuh daripada jumlah pelaburan masuk ke dalam perkilangan, selebihnya dalam harta tanah, pelancongan dan projek hotel, agro-perniagaan dan usaha lain. Pada akhir tahun 1992, syarikat Malaysia telah membuat pelaburan dan membuka sebuah kilang plastik di Pulau Batam (Grunsvan 1995: 53). Oleh itu, kerjasama SIJORI ini telah menerima kesan yang positif terhadap pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan yang terlibat. Kerajaan Malaysia dan Indonesia telah membantu dalam pembangunan Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga dengan menyediakan insentif yang menarik kepada pelabur untuk melabur dalam pembangunan infrastruktur. Perkembangan ini berjaya menarik lebih ramai pelabur asing untuk melakukan pelaburan di kedua-dua kawasan. Kesan daripada pembangunan Perindustrian ini telah diiringi oleh pertumbuhan bandar besar di daerah Johor Bharu.

## **HUBUNGAN DALAM SEKTOR PERIKANAN**

Menurut Kunaseelan (1995: 259) sudah wujud perjanjian awal yang dilakukan antara kedua-dua negara dalam bidang perikanan. Perjanjian ini ditandatangani pada bulan Ogos 1969 dan ianya melibatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan, latihan dan memproses ikan. Di samping itu nelayan Malaysia dan Indonesia boleh beroperasi secara berasingan untuk menangkap ikan di kawasan yang kaya dengan ikan iaitu di Selat Melaka (*Straits Times*, 9 Ogos 1969). Seterusnya, satu Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknik telah ditandatangani antara Malaysia dengan Republik Indonesia pada 16 Oktober 1973 (ANM PRK.ML.SO. 9/23 Jld.3). Berikutan dengan perjanjian ini satu Memorandum Persefahaman antara Malaysia dengan Indonesia telah ditandatangani pada 22 April 1980 di Denpasar, Bali, Indonesia.

Jawatankuasa Teknik Perikanan yang telah dibentuk hasil memorandum persefahaman itu telah mengadakan mesyuarat pada Disember 1980 yang mana beberapa program kerjasama telah dikenal pasti dan dirancang oleh jawatankuasa yang terlibat. Jawatankuasa Teknik Perikanan merancang dan melaksanakan program seperti lawatan sambil belajar bagi nelayan-nelayan serta mengadakan latihan untuk pegawai perikanan. Disamping itu, terdapat aktiviti seperti kunjungan pakar-pakar

dari kedua-dua buah negara serta program pertukaran maklumat. Namun demikian dalam tempoh empat tahun hanya dua program berjaya dilaksanakan iaitu program pertukaran maklumat dan lawatan sambil belajar yang melibatkan dua belas orang nelayan dan empat orang Pegawai Perikanan.

Secara keseluruhannya aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh jawatankuasa tersebut berjalan dengan baik di peringkat awal iaitu 1980 sehingga tahun 1982. Namun demikian, aktiviti tersebut telah terhenti sekitar tahun 1983 kerana kerajaan Indonesia lambat memberi tindakbalas serta kurangnya inisiatif dari kedua-dua belah pihak untuk meneruskan kerjasama. Kerjasama dalam pertukaran maklumat dan teknik merupakan salah satu daripada kerjasama yang dilakukan oleh Malaysia dengan Indonesia yang mana Indonesia telah menghantar sebanyak 32 buah terbitan mengenai perikanan dan juga sebuah artikel mengenai '*running waterpond*' kepada Jabatan Perikanan Malaysia. Sehubungan itu juga, Malaysia telah menghantar beberapa buah terbitan mengenai bidang perikanan laut dan ternak air.

Untuk melancarkan lagi kerjasama dalam bidang perikanan, Malaysia dan Indonesia sekali lagi mengadakan perjanjian yang baru. Pada tarikh 25 Februari 1982, satu perjanjian yang dikenali sebagai *Treaty Legal Regim of Archipelagic State* telah ditandatangani (ANM PRK. ML.S.O. 9/23 JLD. 3: 1985). Dalam perjanjian ini, Indonesia bersetuju untuk membenarkan secara rasmi nelayan-nelayan tradisional memukat di perairan Indonesia iaitu di sekeliling Kepulauan Natuna dan Anambas. Selain itu, Malaysia juga membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran perlesenan terus (direct licensing) bagi membolehkan nelayan-nelayan tempatan menangkap ikan di perairan Indonesia. Melalui perjanjian ini juga Indonesia telah bersetuju untuk membenarkan *traditional fishing* oleh *traditional fishermen* Malaysia di kawasan perikanan yang ditetapkan (ANM PRK. ML.S.O. 9/23 JLD. 3: 1985). Bot Malaysia boleh menggunakan laluan yang telah termaktub dalam undang-undang antarabangsa dan tidak boleh menghalang bot nelayan tradisional untuk menangkap ikan di wilayah perairan dan kepulauan Indonesia yang terletak di antara Timur dan Barat Malaysia mengikut laluan yang telah ditetapkan.

Impak daripada perjanjian ini, pada tahun 1987 sehingga tahun 1988, KDNK pada harga semasa menunjukkan berlakunya peningkatan dalam pengeluaran pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan. Pada tahun 1987 KDNK pengeluaran sektor tersebut ialah RM16,185 juta, meningkat kepada RM18,540 juta pada tahun 1988 dan tahun 1989 ialah sebanyak RM19,028 juta. Namun pada tahun 1990 KDNK dalam sektor pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan mengalami penurunan iaitu hanya berjumlah RM18,120 juta. Angka ini kembali meningkat pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1991 berjumlah RM19,398 (*Perangkaan Ekonomi Malaysia Siri Masa 2015*: 10).

## **HUBUNGAN DALAM BIDANG PERHUTANAN**

Kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Indonesia juga berlaku dalam bidang perhutanan yang dapat dilihat dengan adanya perjanjian dan kerjasama yang penting antara kedua negara. Perjanjian perhutanan ini terkandung bersama-sama dalam Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknik yang ditandatangani pada 16 Oktober 1973 (ANM PRK.ML.SO. 9/23 Jld.3). Namun demikian, kerjasama dalam bidang perhutanan ini masih lagi belum dikuatkuasakan sehingga pada 14 Januari 1985. Dalam kerjasama perhutanan ini, Malaysia telah menawarkan kepada Indonesia tiga bidang latihan. Sebaliknya, Indonesia juga telah menawarkan beberapa kursus perhutanan kepada Malaysia. Pada 28 sehingga 29 November 1990 satu mesyuarat diadakan oleh Jawatankuasa Kerja Bersama Ketiga Malaysia Indonesia mengenai perhutanan telah diadakan di Kuala Lumpur (ANM LPKM 2/115 VOL. 2: 1990). Wakil Malaysia, iaitu Dato' Baharuddin bin Haji Ghazali, manakala Mr. A.A. Malik yang mewakili Indonesia telah bersetuju untuk memberi perhatian terhadap isu-isu perdagangan seperti menjalankan kajian pasaran, promosi produk hutan nilai tambah, peningkatan kos pengangkutan, tarif dan bukan tarif halangan, aktiviti kayu anti-tropika dan promosi produk hutan bukan kayu.

Terdapat beberapa program kerjasama yang dilaksanakan hasil daripada kerjasama dalam bidang perhutanan antara Malaysia dengan Indonesia. Antaranya ialah program mengenai kajian pasaran dan pertukaran maklumat. Dalam kerjasama ini, kedua-dua negara telah membincangkan mengenai produk yang terlibat dalam projek iaitu perabot, ukiran dan juga komponen perumahan. Alatan tersebut dipasarkan di luar negara seperti di pasaran Jepun dan juga Eropah. Manakala peralatan perabot merupakan alatan yang dipasarkan di Amerika Syarikat dan Eropah. Dengan adanya program kajian pasaran dan juga pertukaran maklumat ini, kedua-dua negara telah mendapat kesan yang positif kerana kajian pasaran tersebut telah mengkaji mengenai keperluan pasaran bukan sahaja di rantau Asia malah turut melihat pasaran di Eropah dan Amerika Syarikat. Apabila mengetahui mengenai keperluan pasaran dunia, Malaysia dan Indonesia boleh memberi fokus pengeluaran terhadap alatan yang mempunyai permintaan yang tinggi.

Program promosi produk-produk nilai tambah merupakan salah satu daripada program kerjasama perhutanan antara Malaysia dengan Indonesia apabila kedua-dua negara bersetuju untuk membuat kajian mengenai produk nilai tambah. Kajian tersebut melibatkan kajian pasaran termasuk hal-hal yang berkaitan dengan promosi tarif serta intensif untuk pasaran bagi produk nilai tambah. Kajian ini melibatkan kedua-dua negara apabila Malaysia dan Indonesia menjalankan kajian di negara masing-masing dan hasil daripada kajian tersebut telah ditukar antara satu sama lain (ANM LPKM 2/115 VOL. 2: 1990). Di samping itu, terdapat program pembangunan

model estet balak. Untuk membangunkan model estet balak seperti yang diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bersama mengenai Perhutanan, kedua-dua negara bersetuju untuk menyediakan data yang ada mengenai spesies yang berkaitan untuk diproses oleh Institusi Pengurusan Perhutan (AIFM). Terdapat beberapa spesies yang telah diberi keutamaan iaitu spesies yang cepat tumbuh seperti *acacia mangium*, *paraserianthes falcataria* dan *eucalyptus deglupta* dan lain-lain lagi. Kesan daripada program ini ialah, kedua-dua negara boleh meningkatkan pengeluaran kayu balak yang berkualiti dengan jangka masa yang pendek.

Selain daripada itu, dalam kerjasama perhutanan ini juga, Malaysia dan Indonesia, turut melakukan program pertukaran maklumat mengenai spesies rotan yang terpilih. Indonesia turut membuka *ASEAN Rattan Regeneration Centre* yang mana kesemua maklumat yang diperlukan untuk kerjasama dan program ini akan dikumpulkan. Disamping itu, susunan maklumat tersebut turut melibatkan *Southeast Asian Regional Centre for Tropical Biology* (SEAMEO BIOTROP). SEAMEO ditubuhkan pada tahun 1965 melalui Piagam SEAMEO yang ditandatangani oleh tujuh negara Asia Tenggara. Majlis menandatangani piagam itu menandakan penubuhan pusat-pusat. Pada masa ini terdapat tujuh belas pusat dan tiga pusat sub-serantau. SEAMEO BIOTROP, Pusat Serantau Asia Tenggara Biologi Tropika adalah salah satu pusat. SEAMEO BIOTROP telah ditubuhkan pada 6 Februari 1968. Untuk melaksanakan mandat Lembaga Pengelola, SEAMEO BIOTROP telah melakukan aktiviti untuk memberi penekanan untuk memperkasakan sumber manusia di Asia Tenggara. Kegiatan meliputi penyelidikan, latihan, rangkaian dan pertukaran kakitangan dan penyebaran maklumat dalam biologi tropika. *The Silviculture Malaysian Rattan* juga turut diterbitkan oleh FRIM pada awal tahun 1991. Manakala Pusat Maklumat Rotan (RIC) yang ada di FRIM terus melakukan penyebaran maklumat mengenai hasil rotan. Malaysia dan Indonesia juga turut melakukan kerjasama dalam pertukaran biji benih untuk tujuan penyelidikan di negara masing-masing. Program ini telah memberi kesan yang positif kepada Malaysia dan juga Indonesia. Ini kerana, dengan adanya program seperti ini bukan sahaja dapat menjimatkan masa untuk melakukan penyelidikan malah sekali gus dapat memajukan sektor penyelidikan.

Seterusnya, Malaysia dan Indonesia juga bekerjasama untuk mempromosikan Taman Pelancongan. Untuk menjayakan program ini, kedua-dua negara telah bersetuju untuk melakukan program pertukaran pegawai dan juga kakitangan untuk pengurusan taman negara dan juga kawasan perlindungan hidupan liar. Malaysia dan Indonesia telah mempromosikan melalui risalah, filem serta video. Kerjasama ini juga turut melibatkan program Pembangunan Sumber Hutan bukan Kayu. Kedua-dua negara telah mengadakan mesyuarat dan mengenal pasti potensi sumber hutan bukan kayu seperti buluh, enau, nipah, sagu dan beberapa jenis lagi. Malaysia dan Indonesia juga bersetuju membuat kajian pemuliharaan sumber-sumber dan juga

pembangunan keatas tumbuh-tumbuhan tersebut perlu lebih dipergiatkan dan hasil maklumat kajian tersebut ditukar serta untuk membangunkan taman buluh kira-kira lima hektar di Malaysia dan Indonesia serta kedua-dua negara saling bertukar bahan tanaman untuk menjayakan projek ini.

Dalam kerjasama perhutanan antara Malaysia dengan Indonesia juga, kedua-dua negara telah mengambil perhatian terhadap projek-projek pembalakan di kawasan hutan serta penggunaan sisa industri. Satu bengkel telah diadakan di Indonesia pada akhir tahun 1991 bertujuan untuk memudahkan pertukaran hasil maklumat yang diperolehi yang berkaitan dengan projek ini. Bengkel tersebut meliputi aspek kesan sistem pembalakan terhadap alam sekitar, meminimumkan aktiviti pembalakan dan juga pembuangan sisa industri serta pemanfaatan pembalakan dan juga sisa industri. Untuk memanfaatkan pembalakan dan juga sisa industri, kedua-dua negara bersetuju dan berpendapat bahawa sisa-sisa tersebut boleh dikitar semula untuk dijadikan barang yang bersesuaian agar sisa tersebut dapat dikitar semula dan tidak membazir begitu sahaja.

Selanjutnya program penggunaan hasil hutan bukan kayu dan juga penggunaan kayu getah turut melibatkan kerjasama antara kedua-dua negara. Program lawatan sambal belajar berkaitan dengan sumber hutan bukan kayu adalah penting bagi kedua-dua negara agar hutan tidak terbiar tanpa memberi manfaat kepada negara. Indonesia telah menyatakan minatnya terhadap rotan, tengkawang ataupun engkabang serta pokok sagu. Sebaliknya, Malaysia pula lebih berminat untuk melakukan penerokaan mengenai penggunaan buluh, kulit kayu bakau, tumbuh-tumbuhan bagi tujuan perubatan serta pengumpulan madu. Indonesia juga telah menyatakan minatnya untuk menyertai program-program latihan yang berkaitan dengan penggunaan kayu getah dianjurkan oleh Institusi Penyelidikan Perhutan Malaysia (FRIM) dan juga turut dianjurkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

Kerjasama dalam sektor perhutanan ini mampu meningkatkan ekonomi negara apabila pada tahun KDNK dalam sektor pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan menunjukkan peningkatan. Pada tahun 1994 KDNK pada harga semasa dalam sektor yang tersebut ialah RM26,702 juta, 1995 (RM28,809 juta), 1996 (RM29,637 juta) dan pada tahun 1997 berjumlah RM31,283 juta. Angka ini terus meningkat tinggi pada tahun 1998 iaitu berjumlah RM37,706 juta namun kembali menurun pada tahun berikutnya iaitu 1999 iaitu hanya berjumlah RM32,610 juta (*Perangkaan Ekonomi Malaysia Siri Masa 2015: 10*). Tuntasnya, kerjasama dalam bidang perhutanan antara Malaysia dan Indonesia bukan sahaja memberikan faedah yang positif kepada Malaysia dan juga Indonesia disamping dapat mengeratkan lagi hubungan baik kedua-dua negara.

## KESIMPULAN

Ditinjau dari sudut strukturalnya, hubungan Malaysia-Indonesia memiliki masa depan yang cerah. Sejak tahun 1965 kerajaan Malaysia dan Indonesia telah pun memeterai lebih seratus perjanjian persefahaman yang mencakupi pelbagai aspek melibatkan kepentingan bersama kedua-dua buah negara terutamanya dalam bidang ekonomi, pengambilan tenaga kerja serta keselamatan di kawasan perbatasan dan perairan. Namun begitu, dalam konteks rekonsiliasi, hubungan Malaysia-Indonesia masih perlu diperhatinkan kerana tahap hubungan akrab dan intim dua negara serumpun ini tidak dapat bergantung kepada aspek struktural semata-mata. Oleh itu, dalam konteks hubungan dua hala Malaysia-Indonesia satu generasi dari sekarang, proses rekonsiliasi hubungan dua buah negara berjiran ini perlu diperluaskan dan diperdalamkan. Kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan Indonesia merupakan salah satu kerjasama ekonomi yang penting dalam memastikan ekonomi negara seiring dan mampu bersaing dengan negara-negara serantau yang lain. Walaupun hubungan Malaysia-Indonesia ada kalanya berada dalam keadaan tegang tetapi pada hakikatnya kedua-dua negara saling memerlukan.

Selepas kedua-dua negara mengalami perubahan dalam kepimpinan negara, yang mana Malaysia dibawah pemerintahan Tun Dr. Mahathir dan Indonesia dipimpin oleh Presiden Suharto, hubungan kedua-dua negara mengalami perubahan. Jika sebelumnya, Indonesia dianggap abang kepada Malaysia, namun hal ini tidak lagi dianggap sedemikian. Kemajuan yang dicapai oleh Malaysia dalam bidang ekonomi serta kestabilan politik dalam negara telah menyebabkan Malaysia mengorak langkah lebih jauh meninggalkan Indonesia. Meskipun pemimpin kedua-dua negara ada kala dianggap tidak sehaluan dan mempunyai pandangan yang berbeza dalam banyak perkara menyebabkan hubungan Malaysia-Indonesia dikatakan agak dingin. Namun hubungan dan kerjasama ekonomi terjalin dengan baik khususnya dalam bidang perdagangan, pelaburan, perikanan dan perhutanan. Kerjasama ini juga dilihat mampu diperkembangkan lagi demi memastikan hubungan kedua-dua negara sentiasa berada dalam keadaan baik demi menjaga kestabilan serta keamanan negara masing-masing malah turut memberikan impak terhadap keamanan rantau Asia Tenggara.

## RUJUKAN

- Abd Ghapa Harun. 2010. Malaysia-Indonesia dalam Konteks Regionalisme Asia Tenggara: Menilai Kepentingan Peranan Dialog Kesejarahan ke Arah Menggerakkan Hubungan Negara Serumpun. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Dialog Kesejarahan Malaysia-Indonesia* ke-III, Johor Bahru, 1-3 Oktober

ANM 2006/0008539. *Mesyuarat-Mesyuarat Antarabangsa, Mesyuarat Ketiga Brunei Darussalam – Indonesia – Malaysia – Filipina East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)*, 1995. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

ANM LPKM 2/115 VOL. 2, *Report of the Working Groups of the Third Malaysia-Indonesia Joint Working Committee Meeting on Forestry*, 1990. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

ANM LPKM 2/115 Vol.2. *Kerjasama Perhutanan Malaysia/Indonesia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

ANM PRK. ML.S.O. 9/23 JLD. 3, *Latar Belakang terhadap Treati antara Malaysia dan Indonesia mengenai 'Legal Regime of Archipelagic State,'* 1985. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

ANM PRK.ML.SO. 9/23 Jld.3, Kerjasama Malaysia Indonesia. *Laporan Kedudukan Hubungan Kerjasama Dua Hala Malaysia Indonesia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

ANM Y.0.12/1/63, Hubungan Dua Hala Perdagangan Antara Malaysia Dan Indonesia, Bahagian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan Dan Perindustrian, Malaysia, 26 Ogos 1983. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

ANM Y.0.12/1/63, Perdagangan dengan Indonesia. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

*Antara Daily News Bulletin*, 18 Mac 1959.

*Antara Daily News Bulletin*, 24 April 1959.

*Antara Daily News Bulletin*, 3 Oktober 1958.

*Antara News*, 16 September 1963.

*Bernama*, 28 & 29 Mei 1968.

*Daily Express*, 27 Ogos 1998.

Grunsvan, L.V. 1995. Industrial Regionalization and Urban – Regional Transformation in Southeast Asia: The SIJORI Growth Triangle Considered, 1995, *Malaysian Jurnal of Tropical Geography* 26(1): 47-65

Hindley, D. 1964. Indonesia's Confrontation with Malaysia: A Search Motives. *Asian Survey* 4(6): 904-913

*Kerjasama Regional, Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-Growth Triangle), Filipina* <http://www.adb.org/id/indonesia/regional-cooperation> [5 Mac 2016]

*Kerjasama Regional, BIMP-EAGA: Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-The Philippines East ASEAN Growth Area (Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-The Philippines East ASEAN Growth Area)* Asian Development Bank. <http://www.adb.org/id/indonesia/regional-cooperation> [5 Mac 2016]

*Batam Industrial Development Authority.* [http://www.batam-center.web.id/exeagency\\_bida.html](http://www.batam-center.web.id/exeagency_bida.html) [28 Oktober 2020]

*Indonesia – Malaysia – Thailand Growth Triangle (IMT-GT), Indonesia.* <http://www.kemlu.go.id/id/kebijakan/kerjasama-regional/Pages/IMT-GT.aspx>. Kementerian Luar Negeri Republik Indonesia [20 Disember 2015]

*Total ASEAN Trade: 2010-2012.* <http://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/2045>. Ministry of International Trade and Industry, Malaysia [5 Mac 2016]

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2015. *Perangkaan Ekonomi Malaysia Siri Masa 2015, KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi Pada Harga Semasa, 1987 – 2014.*

Kamarulnizam Abdullah (pnyt). 2012. *Keselamatan Nasional Malaysia.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kunaseelan a/l Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia Indonesia 1957-1970.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Liow, J. C. 2008. *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations: One Kin, Two Nations.* Abingdon: Routledge.

Mackie, J. A. C. 1974. *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963- 1966.* Kuala Lumpur: Oxford University Press

Mezerik, A.G (pnyt). 1965. *Malaysia-Indonesia Conflict.* New York: International Review Service

Mohamad Rodzi Abd Razak & Abd Ghapa Harun. 2013. Rekonsiliasi Alam Melayu: Penelitian Hubungan Malaysia-Indonesia. *Jurnal Jebat* 40 (1): 177-197

Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Konfrontasi Malaysia-Indonesia.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ramli Dollah dan Ahmad Mosfi Mohamad. 2007. Perdagangan Tukar Barang Tawau (Sabah) – Indonesia. *Jati* 12 (Disember): 83-106

Rohani Hj. Ab. Ghani. 2012. *Malaysia-Indonesia: Kepelbagaian Sudut Pandang*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Saravanamuttu, Johan. 2010. *Malaysia's Foreign Policy: The First Fifty Years: Alignment, Neutralism, Islamism*. Petaling Jaya: SIRD & Singapore: ISEAS.

*Sinar Harian*. 12 Februari 2012.

*Straits Times*. 2 Disember 1966.

*Straits Times*. 9 Ogos 1969.

Wan Nor Shamimi Wan Azhar  
Centre for Research in History, Politics & International Affairs  
Faculty of Social Sciences & Humanities  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, Malaysia  
Email: shamimiazhar@gmail.com

Mohamad Rodzi Abd Razak (corresponding author)  
Centre for Research in History, Politics & International Affairs  
Faculty of Social Sciences & Humanities  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, Malaysia  
Email: rodzi@ukm.edu.my